

Karnival Kerjaya Landasan Terbaik Untuk Mahasiswa UUM
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 19 April 2011 15:45

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

19 APRIL 2011/15 JAMADILAWAL 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mustakim Ramli

Gambar oleh : Abdul Halim Husain

KARNIVAL KERJAYA LANDASAN TERBAIK UNTUK MAHASISWA UUM

UUM ONLINE: Universiti Utara Malaysia (UUM) telah menyediakan landasan terbaik pada mahasiswa universiti ini untuk menghadapi alam pekerjaan, dengan mengadakan Karnival Kerjaya Kali Ke-19 2011 yang bertemakan "Graduan Holistik Menjana Kebolehpasaran Kerja".

Menurut Pengarah Hal Ehwal Pelajar UUM, Prof Madya Dr Mohd Amy Azhar Mohd Harif dalam ucapannya berkata, karnival kali ini diadakan dalam skala lebih besar dan dirancang rapi untuk kebaikan pada mahasiswa.

"Program ini telah bermula pada 5 Mac yang lalu, di mana pelbagai aktiviti berkaitan kerjaya dijalankan seperti *career talk*, *mock interview* dan seminar kerjaya untuk membantu pelajar tahun akhir khususnya, untuk persediaan menghadapi alam pekerjaan kelak," tambah beliau lagi.

Beliau juga berkata, karnival ini juga bertujuan untuk melahirkan graduan yang bermutu, bukan sahaja dalam bidang akademik malah sahsiah diri. Ini kerana kecemerlangan akademik dan sahsiah penting dalam membentuk masyarakat yang berdaya saing.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), Bukit Kayu Hitam, Datuk Ahmad Zaini Japar dalam ucapan perasmianya berkata, karnival ini merupakan salah satu program yang baik dalam membantu pelajar dan masyarakat sekitar Sintok dalam proses mendapatkan kerja.

"Keyakinan merupakan elemen penting dalam tujuan mempromosi diri untuk menarik perhatian bakal majikan selain daripada keterampilan diri untuk mendapatkan kerja yang baik," tambah beliau lagi.